

SUARA ASEAN DI G20



**ZULKIFLI
JALIL**

Melaporkan dari TURKI
pengarang@utusan.com.my

ANTALYA, bandar terbesar di pantai Mediterranean Turki yang terletak di lereng Pergunungan Taurus dengan keindahan monumen indah dan bersejarah akan menjadi pertemuan Sidang Kemuncak Pemimpin G20 dalam dua hari bermula Ahad, 15 November ini.

Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2015 yang diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menjadi jemputan tetap ke sidang kemuncak itu, di samping Sepanyol, Zimbabwe (Pengerusi Kesatuan Afrika), Senegal mewakili Perkongsian Baharu bagi Pembangunan Afrika (NEPAD), Azerbaijan dan Singapura.

G20 terdiri daripada gabungan negara-negara maju serta berpengaruh yang mewakili kira-kira dua pertiga daripada penduduk dunia, 85 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar global dan lebih 75 peratus daripada perdagangan global. Ahli-ahli G20 adalah Argentina, Australia, Brazil, Kanada, China, Perancis, Jerman, India, Indonesia, Itali, Jepun, Republik Korea, Mexico, Rusia, Arab Saudi, Afrika Selatan, Turki, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah (EU).

Kerja-kerja ahli G20 turut disokong oleh beberapa pertubuhan antarabangsa yang menyediakan nasihat dasar. G20 juga kerap terlibat dengan sektor bukan kerajaan. Antaranya daripada perniagaan (B20), masyarakat awam (C20), buruh (L20), pemikir (T20) dan remaja (Y20) yang menangani peristiwa-peristiwa besar tahun ini, dengan hasil yang akan menyumbang kepada pertimbangan teliti pemimpin G20.


Bagi Turki yang mengetuai G20 tahun ini, masih banyak yang harus dilakukan untuk mencapai sasaran pertumbuhan global sebesar dua peratus selama lima tahun mendatang ini, seperti yang diinginkan negara-negara G20 tahun lalu. Perbincangan di Antalya dijangka memberi tumpuan khusus kepada kerjasama dasar makro-ekonomi kalangan negara-negara G20, selain mengangkat potensi pertumbuhan ekonomi.

Dalam hal ini, G20 telah meminta Dewan Perdagangan Antarabangsa untuk mewujudkan dunia berupa Forum Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan membina rangkaian antarabangsa yang luas.

Forum ini akan bertindak sebagai saluran keprihatinan daripada PKS dunia dengan perniagaan-20 (B20) dan kerajaan (G20). Di kebanyakan negara terutama negara-negara membangun, sebanyak 60 hingga 70 peratus pekerjaan datang dari sektor PKS. Jadi, G20 mengupas langkah untuk mengintegrasikan mereka ke dalam ekonomi global.



ISU-ISU keganasan dan krisis pelarian dari Syria antara fokus utama dibincangkan dalam Sidang Kemuncak Pemimpin G20 di Antalya, Turki pada 15 dan 16 November ini. - REUTERS



NAJIB TUN RAZAK



RECEP TAYYIP ERDOGAN

Perdana Menteri Turki, Prof. Dr. Ahmet Davutoglu dalam perutusan sempena sidang kemuncak itu yang dipetik dari web program berkata, Kemelesetan Mega (The Great Recession) pada 2008-2009, mengajar dunia bahawa penyelesaian kepada cabaran global memerlukan tindakan yang pantas.

"Kebangkitan G20 adalah manifestasi dari semangat ini. Pada masa-masa sukar, G20 jelas menunjukkan keupayaannya sebagai forum penyelesaian krisis global. Kami berjaya membendung kesan segera Kemelesetan Mega, tetapi seperti yang dinyatakan di Brisbane (Sidang Kemuncak G20 tahun lalu di Australia), pertumbuhan masih perlahan, tidak rata dan tidak memberikan pekerjaan yang diperlukan.

"Sementara itu, potensi ekonomi kita telah jatuh dan ketidakstabilan terus meningkat di seluruh dunia. Masih wujud cabaran kritikal yang perlu ditangani oleh G20. Ini bermakna, G20 masih amat penting dan relevan dalam menangani krisis kemelesetan dunia," kata beliau.

Bagi Malaysia, negara-negara G20 mesti menerokai strategi-strategi pembangunan dan dasar-dasar terkini yang berakar umbi daripada pengalaman lalu bagi menghadapi cabaran ekonomi semasa.

Di Istanbul pada Februari lalu, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah yang menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor-Gabenor Bank Pusat G20 berkata, negara-negara berkenaan mesti memperkukuhkan asas-asas ekonomi masing-masing bagi menangani ke-

jutan ekonomi di masa hadapan.

"Malaysia sendiri, asas ekonominya sudah kukuh. Pada 2010, Malaysia memulakan program transformasi meliputi transformasi kerajaan dan transformasi ekonomi selepas melalui abad ke-21. Malaysia percaya dengan keperluan pemikiran baharu dan pendekatan inovatif bagi menuju masa hadapan," katanya.

Pengalaman ASEAN sebenarnya perlu dikongsi oleh negara-negara G20 sejak kumpulan itu dimulakan pada 1967 dan sekarang, menjadi rantau yang pesat dengan merekodkan pertumbuhan lebih lima peratus.

Pada 2015, ASEAN memasuki fasa baharu dengan pengenalan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). AEC akan memperkukuhkan dagangan, pelaburan, infrastruktur dan integrasi kewangan antara negara ASEAN selain mempertingkatkan pertumbuhan negara-negara anggota.

Selain berkisar soal perdagangan, pelaburan, cukai antarabangsa dan rasuah yang mewarnai sidang kemuncak, pemimpin G20 kali ini juga akan merungkai perkembangan terbaharu yang melanda kemanusiaan sejagat.

Dalam sesi peringkat iawatankuasa di Antalya pada Ahad dan Isnin (15 dan 16 November) ini yang turut disertai Presiden, Recep Tayyip Erdogan, isu-isu keganasan dan krisis pelarian dari Syria dan Afghanistan yang menghujani negara-negara Eropah, menjadi fokus utama.

Kuala Lumpur dalam hal ini, boleh berkongsi pengalaman negara anggota ASEAN khususnya Malaysia sendiri, Thailand dan Indonesia dalam menangani krisis pelarian Rohingya dan Bangladesh di rantau itu. Pada Mei lalu, lebih daripada 2,500 pelarian daripada Myanmar dan Bangladesh diselamatkan sementara seramai 800 lagi tidak dibenarkan masuk ke negara-negara terbabit.

Dalam isu keganasan pula, Malaysia dan Indonesia turut berkongsi maklumat dalam menangani kumpulan militan Negara Islam (IS), selain berkongsi maklumat dengan Arab Saudi termasuk membendung anasir itu merebak ke dalam kalangan golongan muda.

Malah, pada Sidang Kemuncak Pemimpin mengenai Pembanteraan ISIL dan Keganasan Melampau yang dipengerusikan Presiden Barack Obama di New York, 30 September lalu, Najib menyuarakan cadangan Malaysia untuk mewujudkan Pusat Serantau Digital Memerangi Mesej melalui Komunikasi dalam usaha terbaharu mengekang pengaruh IS. Ini kerana kumpulan militan itu didapati menggunakan laman sosial untuk merekrut ahli baru serta menyebarkan ideologi di serata dunia.

"Fokus untuk memerangi kehadiran IS secara naratif dan atas talian, diperlukan. Asia Tenggara kini kekurangan program menyeluruh untuk melakukannya, jadi kita mesti menangannya dan usaha sedang dibuat," kata Perdana Menteri.

Perdagangan, pelaburan serta cabaran ekonomi getir global akan mendapat tumpuan utama sidang kemuncak Pemimpin G20 ini.

Kata Davutoglu: "Pada November 2014, ahli-ahli G20 bersetuju dengan Pelan Tindakan Brisbane dan berjanji untuk menyalurkan kira-kira 1,000 komitmen itu.

"Jika dilaksanakan sepenuhnya, akan menambah lebih daripada USD2 trilion kepada KDNK global dan menjana berjuta-juta pekerjaan tambahan untuk rakyat dunia menjelang 2018. Justeru, 2015 akan menjadi masa untuk tahun pelaksanaan," katanya.

Dari Antalya, sebelum ke sidang Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada 18-19 November di Manila, Najib kemudiannya akan mengetuai negara mempengerusikan Sidang Kemuncak ASEAN ke-27 (19-21 November) di Kuala Lumpur. Di pentas G20, Najib dipercayai akan membawa suara dan idea-idea ASEAN yang konkrit.